



Acara sukaneka pelajar UMS bersama-sama penduduk Kampung Lormalong, Kunak.



Pelajar KKCD UMS melaksanakan kegiatan bersama-sama murid SK Lormalong dan SK Madai, Kunak.

BH 20.3.2014 v14

Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (KKCD), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menganjurkan program Siswa Rintis Desa siri kedua bagi memberi peluang kepada pelajar pelbagai etnik menyumbang bakti kepada masyarakat pedalaman Sabah.

Program anjuran Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) KKCD itu diadakan di Kampung Lormalong, di sini, bertemakan Mahasiswa Berkualiti, Masyarakat Didekati, Alam Sekitar Dicintai.

Pengetua KKCD, Dr Mohd Nizam Nazarudin, berkata program bertujuan meningkatkan kemahiran insaniah pelajar terutama dalam aspek kepimpinan, selain memu-

Oleh Johary Indan

▪ Kunak

puk semangat kerjasama serta memberi pengalaman mengurus dan mengendalikan program.

Kemahiran berfikir

"Sebaik program bermula, peserta diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing selama dua malam, disusuli aktiviti bersama-sama murid Sekolah Kebangsaan (SK) Lormalong dan SK Madai, Kunak pada hari kedua," katanya.

Dr Mohd Nizam berkata,

Dekati masyarakat pedalaman



Pelajar UMS yang berkunjung ke SK Lormalong.

program bersama-sama murid sekolah terbabit bertujuan mengembangkan kemahiran berfikir selain mendedahkan mereka kaedah belajar yang lebih menarik dan menyeronokkan.

"Aktiviti seumpama ini berupaya meningkatkan

insaniah pelajar UMS serta membantu murid untuk lebih seronok belajar menerusi kegiatan bermanfaat," katanya.

Anjur sukaneka

Katanya, pengisian hari ketiga memfokuskan aktiviti

gotong-royong selain acara sukaneka yang membabitkan penduduk kampung bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim kedua-dua pihak.

"Sukaneka penting kerana berupaya meningkatkan kecerdasan minda penduduk bersama-sama peserta

program. Pelajar UMS tidak ketinggalan menghadiri kenduri kahwin diadakan penduduk Kampung Lormalong," katanya.

Program itu diakhiri dengan malam kebudayaan membabitkan penyertaan penduduk setempat.